



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)

Bilangan 2 Tahun 2013

ETIKA DAN INTEGRITI PENERBITAN

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan dan meningkatkan kesedaran tentang etika dan integriti penerbitan.

LATAR BELAKANG

2. Dewasa ini, keupayaan menerbitkan hasil penulisan melalui jurnal berimpak menjadi sasaran para penyelidik di seluruh dunia termasuk Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Universiti Teknologi MARA (UiTM) amat menitikberatkan kualiti penerbitan yang dihasilkan. Dalam usaha untuk meningkatkan penerbitan berimpak universiti, terdapat beberapa perkara berkaitan penulisan bersama yang telah disalah tafsirkan.
3. Terdapat amalan di mana penulis utama diminta untuk memasukkan nama penyelidik lain yang tiada kaitan atau tidak menyumbang sebarang kepakaran di dalam penerbitan yang dihasilkan.

4. Pekeliling ini menjelaskan perkara yang dinyatakan di atas adalah tidak beretika dan tidak seharusnya menjadi amalan. Etika dan integriti penerbitan harus diterapkan di dalam menghasilkan penerbitan berimpak kerana penyelidik wajib menerbitkan penulisan artikel ilmiah di dalam penerbitan akademik yang berindeks, bermutu tinggi dan berkredibiliti, buku penyelidikan dan bab dalam buku penyelidikan.

TAFSIRAN

5. Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini:

- i. Etika bermaksud nilai dan etika warga UiTM iaitu kepercayaan yang mendorong tanggungjawab dan tingkah laku warga untuk membentuk citra warga UiTM dalam sebuah institusi pengajian tinggi awam yang cekap, berdisiplin serta istiqamah mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat.
- ii. Integriti bermaksud integriti UiTM yang didasari oleh sepuluh nilai dan etika warga UiTM yang merupakan kod amalan murni universal yang perlu digarap dalam tujuh prinsip budaya PERDANA oleh setiap warga UiTM.
- iii. Penyelidikan secara umum bermaksud aktiviti sistematik dan berdisiplin yang dijalankan oleh penyelidik untuk sama ada menghasilkan ilmu baru atau mengembangkan ilmu sedia ada, yang diiktiraf kumpulan kepakaran yang setanding (*peer group*).
- iv. Penyelidik bermaksud pensyarah/pentadbir/pasca kedoktoran, felo penyelidik atau pelajar yang menjalankan aktiviti penyelidikan.
- v. Penulis bermaksud penyelidik yang telah membuat sumbangan intelektual yang hakiki terhadap penyelidikan yang diterbitkan. Penulis bertanggungjawab sekurang-kurangnya terhadap satu komponen penulisan dan seharusnya mampu mengenal pasti penulis bersama yang bertanggungjawab terhadap komponen penulisan yang lain. Penulis juga seharusnya yakin terhadap kelebihan dan integriti penulis bersama.
- vi. Penerbitan bermaksud mana-mana hasil penyelidikan Universiti yang akan diterbitkan dalam bentuk buku, jurnal, artikel, modul dan sebagainya.

TUJUAN PELAKSANAAN

6. Pekeliling ini diedar untuk memastikan penulis maklum dan mengamalkan etika dan integriti penerbitan. Sebarang perbuatan yang melanggar etika dan integriti penerbitan UiTM akan diambil tindakan oleh pihak Pengurusan Tertinggi Universiti.

TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling dikeluarkan pada 13 Disember 2013.

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 13 Disember 2013.

PROF. IR. DR. HJ. ABDUL RAHMAN OMAR

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Semua Dekan-Dekan Fakulti

Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail :100-PPS (PT.6/7/2)

No Siri :100-PPS (PPS/02/2013)